## Rangka ditemui milik Muhammad Aiman Hakim yang hilang sejak Julai tahun lalu

# Mayat dalam tangki air pelajar UiTM

**JEMPOL** – Mayat lelaki yang ditemui dalam tangki air di Felda Palong 12 di sini pada Mac lalu disahkan sebagai pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Raub, Pahang, Muhammad Aiman Hakim Mat Ani, 22.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Muhd. Nur Hishammuddin Hashim berkata, identiti lelaki itu disahkan berdasarkan keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) yang diperoleh baru-baru ini.

"Keputusan ujian DNA mengesahkan mayat itu adalah Muhammad Aiman Hakim.

"Keputusan ini sudah dimaklumkan kepada keluarga mangsa. Ujian DNA memerlukan masa berikutan rangka yang ditemui dalam keadaan tidak sempurna selain dipercayai sudah berada lama dalam tangki air," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



MUHAMMAD AIMAN HAKIM



10,000 penduduk guna air mayat

KERATAN *Kosmo!* 27 Mac 2019.

Dalam kejadian pada 25 Mac lalu, mayat itu ditemui pekerja Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. ketika memeriksa paras air di tangki di Felda Palong 12.

Susulan itu, keluarga Muhammad Aiman Hakim percaya ia merupakan mayat pelajar tersebut yang hilang selepas keluar dari rumah mereka di Desa Keratong, Bandar Tun Razak, Pahang dengan menunggang motosikal jenis Modenas MR1 pada 9 Julai 2018.

Ia berdasarkan pakaian yang dipakai mayat selepas keluarga itu dipanggil membuat pengecaman oleh pihak polis.

Mangsa merupakan penuntut tahun akhir Fakulti Sains Komputer dan Matematik di UiTM Cawangan Raub.

*Kosmo!* pada 27 Mac lalu melaporkan penduduk Felda Palong 12 bimbang akan jatuh sakit kerana telah menggunakan air dari tangki yang mengandungi mayat mangsa setelah dia dilaporkan hilang pada Julai tahun lalu.

# DNA milik Muhammad Aiman Hakim

**JEMPOL** - Polis mengesahkan keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) rangka yang ditemui dalam tangki air di Felda Palong 12, Jempol pada Mac lalu adalah milik Muhammad Aiman Hakim Mat Ani, 22.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Muhd Nur Hishamuddin Hashim berkata, setakat ini tiada unsur jenayah berhubung kejadian berkenaan.

Menurutnya, motosikal yang ditemui di kawasan berhampiran tangki juga adalah milik mangsa.

"Kes ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) dan rangka mangsa akan diserahkan kepada keluarganya untuk urusan pengebumian," katanya ketika mengesahkan laporan semalam.

Penuntut berkenaan dilaporkan hilang pada 9 Julai 2019 selepas keluar dari rumah di Jalan Keratong Indah 16, Desa Keratong Indah, Bandar Tun Razak.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan rangka manusia ditemukan terapung dalam tangki air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) di Felda Palong 12 pada 25 Mac lalu.

Siasatan awal polis mendapati, rangka terbabit milik lelaki berasal dari Desa Keratong, Pahang berdasarkan kad pengenalan yang dijumpai bersama rangka terbabit.



**MUHD NURHISHAMUDDIN**



**Rangka mangsa ditemukan terapung dalam tangki air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) di Felda Palong 12 pada 25 Mac lalu.**

# SPAN serbu premis bancuh simen disyaki curi air

**Seremban:** Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) semalam melakukan serbuan mengejut ke sebuah premis membancuh simen di Kampung Jimah Baru di sini, yang disyaki mencuri air dengan melakukan penyambungan haram bagi kegunaan aktiviti harian.

Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd Fazil Ismail yang mengetuai operasi itu, berkata serbuan dilakukan selepas pihaknya menerima aduan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) berhubung kecurian air yang dilakukan premis itu.

Katanya, meskipun semakan rekod SAINS mendapati premis itu yang dipercayai beroperasi tiga tahun memiliki akaun serta meter sah berdaftar, pemeriksaan mendapati terdapat sambungan bekalan air secara tidak sah dilakukan.

"Kesalahan ini dilakukan mengikut Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Siasatan lanjut akan dilakukan SPAN.

"Mengikut Akta 655, tiada seorang pun, selain pemegang lesen boleh membuat sambungan ke sesuatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail, berkata bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, pihaknya menerima 726 aduan kes kecurian air, dengan 260 kes adalah sahih membabitkan kerugian RM374,829.90. BERNAMA




■执法人员将工厂安装作为偷取水供的水管拆下，后站者为莫哈末法兹。

## 非法駁接塑料管

# 洋灰廠偷水被取締

（芙蓉22日讯）洋灰厂盗用水源供日常运作及员工洗澡用途，今日遭拉队前来取缔的水务委员会官员逮个正著。

国家水务委员会今早11时许展开取缔行动，前往达城附近的甘榜新宜唛调查偷水事故。

国家水务委员会公关及消费人事务主任莫哈末法兹指出，该工厂持续两星期在没有经过水表测量下，盗用森水务公司的水供。

他指出，森水务公司随后联络及要求国家水务委员会前来调查，并发现工厂私自连接25毫米的塑料管接驳到该区的主要水管。

他披露，调查也发现被盗用的水源是森州水务公司所供应的滤水。

他说，该工厂已运作3年，也有向水务公司注册水表，但调查发现该厂非法驳接水供应工厂日常需求。

### 一旦定罪罰款或監禁

他指出，该工厂已抵触2006年水供服务工业法令（655法令）第123（1）条文，除了被许可人以外，没人能够私自接驳水供。

他指出，目前调查还在进行中，一旦定罪，可被罚款不超过10万令吉，或监禁不超过1年。

他指出，此次取缔行动是为了提高民众对不可盗用水源的意识，减少类似案件的发生。

他说，该会也要求民众配合，若发现类似案件，可以向该局执法部门（03-83179333）投报。

另外，森州水务公司公关主任诺兹达指出，今年初截至6月期间，水务公司共接获726宗有关偷水的投报案件，当中260宗导致水务公司损失38万4829令吉。

“无论如何，我们成功领回38万8954令吉35仙的损失。”



■位于达甘榜新宜唛的洋灰厂疑私自接驳水供，供日常用途。

## 各州水供合作

莫哈末法兹指出，为了确保用户享有清洁水源，雪兰莪州目前也得到森美兰、柔佛、马六甲、吉兰丹、登嘉楼、吉打、槟州、及霹雳州的支援。

“各州的水供合作截至本月24日，随后再决定是否持续，若被允许，雪州滤水站将继续运作。”

他说，雪州4家滤水站包括雪兰莪河第一、第二和第三阶段及兰斗班让滤水站昨晚因受柴油污染而被关闭。



MOHD Fazil (kiri) bersama kakitangan SPAN melihat paip utama milik SAINS yang digunakan tanpa melalui meter air yang dicuri premis membancuh simen di Kampung Jimah Baru, Bandar Baru Sendayan.

# Dah lama mencuri?

## Premis bancuh simen buat pintasan air haram kena serbu


**Hasbi Sidek**
mohd.hasbi@hmetro.com.my


**Seremban**

Licik mencuri air dengan membuat sambungan pintas tanpa melalui meter. Itu taktik premis membancuh simen di Kampung Jimah Baru, Bandar Baru Sendayan di sini.

Ia dikesan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebelum serbuan dijalankan bersama Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS), semalam.

Pengarah Unit Komunikasi SPAN Mohd Fazil Ismail berkata, pihaknya mengesahkan air dicuri adalah dari sumber air terawat dibekalkan SAINS.

"SPAN menerima aduan daripada SAINS mengenai kegiatan mencuri air di premis berkenaan sebelum melakukan operasi penguatkuasaan secara mengejut pagi ini (semalam). Pemeriksaan mendapati ada sambungan terus dari paip utama milik SAINS tanpa melalui meter air dengan menggunakan paip poly berukuran 25 milimeter (mm).

"Sambungan itu menyalurkan bekalan air ke premis berkenaan yang dipercayai untuk kegunaan aktiviti harian. Ujian klorin di tapak juga mengesahkan bekalan air diterima adalah air terawat daripada sumber bekalan air milik SAINS," katanya, semalam.

**FAKTA**
SAINS rugi RM374,829.90 akibat kecurian air

Mohd Fazil berkata, semakan rekod SAINS mendapati premis berkenaan ada akaun dan meter bekalan air sah, namun ada sambungan bekalan air dilakukan secara haram bagi menampung kegunaan aktiviti harian.

"Di bawah peruntukan undang-undang Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), tiada seorang pun selain pemegang lesen boleh membuat apa-apa sambungan ke suatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan.

"Jika disabitkan kesalahan tertuduh, pesalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali seperti diperuntukkan mengikut Seksyen 123(3) akta sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS Norzita Ismail berkata, kes kecurian antara penyumbang kepada air tidak berhasil (NRW) yang menyebabkan kerugian kepada operator termasuk SAINS.

"Jumlah kerugian SAINS akibat kes kecurian dari Januari lalu hingga Julai ini adalah RM374,829.90," katanya.

# 甘榜新宜唛
# 洋灰厂偷水遭检举

（芙蓉22日讯）洋灰厂偷水，今日遭到检举。

该厂虽投入营运3年，也有向水务公司注册水表，惟却非法接驳直径2.5公分的塑料管偷水；抵触2006年水供服务工业法令（655法令）123（1）条文。

在此条例下被判有罪，将面对被罚款不超过10万令吉，监禁不超过1年的惩诫。

国家水务委员会今早11时许，在达城附近的甘榜新宜唛揭露此偷水活动。

## 上半年726宗偷水案

该会公关及消费人事务主任莫哈末法兹证实上述消息。

民众受促协助当局取缔偷水活动，或联络该局执法部门03-8317 9333，提供情报。

根据反映，今年上半年，该公司共接获726宗偷水案件投报，其中260宗偷水活动，导致该公司蒙受38万4829令吉的损失。



莫哈末法兹（左）检视洋灰厂擅自接驳水喉偷水的活动。

为确保能给用户提供洁净水源，目前雪兰莪还获得森美兰提供食水增援；雪州的4个滤水站，包括雪兰莪河第1、第2和第3阶段及兰斗班让滤水站昨晚因受柴油污染而暂时关闭。



达城甘榜新宜唛的一家洋灰厂涉嫌偷水。

Isnin, 22 Julai 2019 | 2:31pm



# Premis bancuh simen disyaki curi air



Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my (mailto:azzman@bh.com.my)

Share
(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/07/587830/premis-bancuh-simen-disyaki-curi-air)
Tweet
(https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Premis%20bancuh%20simen%20disyaki%20curi%20air&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/07/587830/premis-bancuh-simen-disyaki-curi-air)
Share
(https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/07/587830/premis-bancuh-simen-disyaki-curi-air)

SEREMBAN: Sebuah premis membancuh simen di Kampung Jimah Baru, Bandar Baru Sendayan, di sini, diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) hari ini, kerana disyaki mencuri air dengan membuat sambungan haram terus ke paip utama Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS).

Serbuan itu dilakukan selepas SAINS membuat aduan kes kecurian air yang mula dikesan sejak dua minggu lalu.

Pengarah Unit Komunikasi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Mohd Fazil Ismail, berkata kegiatan itu disedari selepas SAINS membuat siasatan terhadap air tidak berhasil (NRW) dan maklumat daripada orang awam.

“Pemeriksaan mendapati terdapat satu sambungan secara terus daripada paip utama milik SAINS tanpa melalui meter air dengan menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 25 milimeter (mm).

“Sambungan itu menyalurkan bekalan air ke dalam premis berkenaan yang dipercayai untuk kegunaan aktiviti harian premis terbabit. Ujian klorin di tapak juga mengesahkan bekalan air diterima adalah air terawat daripada sumber bekalan air milik SAINS,” katanya kepada media di lokasi serbuan, di sini, hari ini.

Mohd Fazil berkata, semakan pada rekod SAINS mendapati premis itu mempunyai akaun dan meter bekalan air yang sah, namun terdapat sambungan bekalan air yang dilakukan secara haram bagi menampung kegunaan aktiviti harian premis berkenaan.

“Mengikut peruntukkan undang-undang Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), tiada seorang pun selain pemegang lesen boleh membuat apa-apa sambungan ke suatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan.

“Jika disabitkan, pesalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali seperti diperuntukkan mengikut Seksyen 123(3) akta sama,” katanya.

Sementara itu, ditanya situasi di Selangor, beliau berkata syarikat bekalan air dari negeri berhampiran termasuk SAINS bersedia membekalkan air tambahan kepada pengguna Selangor jika Loji Rawatan Air (LRA) negeri terpaksa ditutup lagi.

“Bantuan bekalan air sepatutnya tamat sehingga Rabu ini, tetapi kita lihat keadaan esok. Sekiranya LRA itu beroperasi tanpa masalah, bantuan bekalan air akan ditamatkan.

“Jika ia ditutup semula, bantuan bekalan air akan dilanjutkan, tetapi mungkin hanya membabitkan dari negeri berhampiran seperti Negeri Sembilan,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 13 tangki dari lapan negeri membabitkan 26,000 gelen air dibekalkan kepada pengguna Selangor yang terjejas berikutan penutupan LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang dari sumber air mentah Sungai Selangor.




Mohd Fazil (kiri) bersama kakitangan SPAN melihat paip utama milik SAINS yang digunakan tanpa melalui meter air yang dicuri oleh sebuah premis membancuh simen ketika dalam satu operasi mengejut di Kampung Jimah Baru, Bandar Baru Sendayan. - NSTP/Adzlan Sidek

## Berita Berkaitan



(/berita/wilayah/2018/08/460390/curi-air-sains-rugi-rm287000)



(/berita/nasional/2018/01/380505/lagi-projek-lebuh-raya-curi-air)

# Sains, SPAN serbu premis di tapak pembinaan disyaki curi air

Tarikh kemaskini: 29/07/2019

SEREMBAN, 29 Julai (Bernama) – Sebuah premis di tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, di sini, diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), hari ini kerana disyaki mencuri air dengan membuat penyambungan secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains Norzita Ismail berkata serbuan pada kira-kira 9.30 pagi itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota SPAN serta Unit Penguatkuasaan Sains yang diketuai Pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN Mohd Fadzill Othman.

"Ketika serbuan dijalankan, siasatan mendapati penghuni premis telah melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip jenis 'High Density Polyethlene' (HDPE) bersaiz 32mm. Siasatan lanjut mendapati akaun premis telah dikenakan tindakan pemotongan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu didapati digunakan dibeberapa point penyambung untuk kegunaan harian pekerja di rumah kongsi, kantin dan lima buah tangki simpanan air ," katanya di sini.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihak SPAN menyita paip HDPE yang digunakan di lokasi berkenaan sebagai bahan

"Jumlah kerugian yang ditanggung pihak Sains dianggarkan melebihi RM19,000. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Norzita berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes curi air boleh menghubungi talian bebas tol Sains 1-800-88-6982.

Bernama.com

Get ENERGY Sector News Updates
via energy.bernama.com

TERKINI / *LATEST* Mary Kay among world´s most reputable employers [ 5m ago ]

KPRJ PERNIAGAAN TERAS
MENERAJUI . MEREALISASI . MENSEJAHTERA
PEMBINAAN PEMBANGUNAN HARTANAH PENGURUSAN ASET & FASILITI DIGITAL KEJURUTERAAN SUKAN

# Sains, SPAN serbu premis di tapak pembinaan disyaki curi air

Tarikh kemaskini: 29/07/2019




SEREMBAN, 29 Julai (Bernama) -- Sebuah premis di tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, di sini, diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), hari ini kerana disyaki mencuri air dengan membuat penyambungan secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains Norzita Ismail berkata serbuan pada kira-kira 9.30 pagi itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota SPAN serta Unit Penguatkuasaan Sains yang diketuai Pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN Mohd Fadzill Othman.

"Ketika serbuan dijalankan, siasatan mendapati penghuni premis telah melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip jenis 'High Density Polyethlene' (HDPE) bersaiz 32mm. Siasatan lanjut mendapati akaun premis telah dikenakan tindakan pemotongan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu didapati digunakan dibeberapa point penyambung untuk kegunaan harian pekerja di rumah kongsi, kantin dan lima buah tangki simpanan air ," katanya di sini.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihak SPAN menyita paip HDPE yang digunakan di lokasi berkenaan sebagai bahan

Bernama.com

89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Norzita berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes curi air boleh menghubungi talian bebas tol Sains 1-800-88-6982.

-- BERNAMA

## Berita Utama Terdahulu

- Pertabalan Agong: Dewan Negara zahir ucapan tahniah
- Cumbia, Mimosa Kuda kesayangan Al-Sultan Abdullah
- Sarjan Caroline sukarelawan bantu jemaah haji
- Menu kampung pilihan Agong, Raja Permaisuri
- Sarjan Caroline sukarelawan bantu jemaah haji

iklan




**Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Arkib | Siaran Media Eksklusif | Suapan RSS | Laman Web Korporat | IMAGES**

**Facebook | Twitter | Instagram**

© 2019 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

**Hubungi kami : 03-2693 9933 (Am) E-mel : helpdesk@bernama.com, 03-2050 4466 (Jualan/Perkhidmatan) | E-mel : portal@bernama.com**




*Kakitangan SPAN dan SAINS menyita sambungan paip air yang tidak sah ketika operasi di Sri Sendayan semalam.*
(Foto Ihsan SAINS)

*Kes curi air*

# SAINS serbu tapak pembinaan

## Kontraktor buat sambungan tak sah untuk kegunaan 100 pekerja

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

**Seremban:** Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan di sini selepas dikesan mencuri air dengan melakukan penyambungan paip secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail, berkata serbuan dijalankan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada jam 9.30 pagi selepas pihaknya menerima aduan seminggu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati pihak kontraktor membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 32 milimeter (mm).

"Ujian klorin tapak pembinaan mengesahkan ia adalah air rawatan SAINS. Anggaran kerugian yang ditanggung SAINS akibat penyambungan tidak sah ini melebihi RM19,000.

**Akaun premis terbabit dikenakan pemotongan bekalan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.**

*Norzita Ismail,*
*Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS*

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu adalah untuk kegunaan harian kira-kira 100 pekerja di rumah kongsi, kantin dan bagi mengisi lima tangki simpanan air," katanya kepada pemberita selepas operasi serbuan itu di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Norzita berkata pihak SPAN sudah menyita semua pemasangan paip yang dibuat serta mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada penghuni premis berkenaan.

"Siasatan lanjut mendapati akaun premis terbabit dikenakan pemotongan bekalan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Justeru, kesalahan dikesan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.




KAKITANGAN SPAN menyita sambungan paip air haram di sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan. - Foto ihsan SAINS

# SAINS, SPAN serbu tapak pembinaan disyaki curi air



Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my (mailto:azzman@bh.com.my)

SEREMBAN: Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan di sini selepas dikesan mencuri air dengan melakukan penyambungan paip secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail, berkata serbuan dijalankan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada jam 9.30 pagi selepas pihaknya menerima aduan seminggu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati pihak kontraktor membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 32 milimeter (mm).

"Ujian klorin tapak pembinaan mengesahkan ia adalah air rawatan SAINS. Anggaran kerugian yang ditanggung SAINS akibat penyambungan tidak sah ini melebihi RM19,000.

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu adalah untuk kegunaan harian kira-kira 100 pekerja di rumah kongsi, kantin dan bagi mengisi lima tangki simpanan air," katanya kepada pemberita selepas operasi serbuan itu di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Norzita berkata pihak SPAN sudah menyita semua pemasangan paip yang dibuat serta mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada penghuni premis berkenaan.

"Siasatan lanjut mendapati akaun premis terbabit dikenakan pemotongan bekalan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Justeru, kesalahan dikesan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.



■建筑工友被揭发接驳水管偷水，供作日常用途。

# 建築工友偷水被警告

## 水務公司損失1萬9000



■执法人员为水量进行测量。

（芙蓉29日讯）建筑工友被发现偷水供日常用途，导致森州水务公司损失1万9000令吉！

森州水务公司在上周接获情报后，于今早9时半和国家水务委员会联合展开取缔行动，前往达城一个建筑工地进行调查。

### 連接塑料管到花園

森州水务公司公关主任诺兹达指出，建筑工人被发现私自连接32毫米的塑料管到工地旁的花园，以接驳水源到员工宿舍、食堂及5个蓄水箱，供应他们日常生活。

她指出，有关建筑工地因拖欠水务公司款项，于7月10日被截断水供，而被盗用的水供导致水务公司损失1万9000令吉。

她指出，建筑工人私自连接水管驳水已抵触2006年水供服务工业法令第89（9）条文，一旦定罪，将被罚款5万令吉或坐牢不超过半年。

“调查也发现被偷用的水是森州水务公司提供的滤水。”

她透露，国家水务委员已将建筑工人的驳水工具充公作为证据，并向建筑工人发出警告信。

她指出，森州水务公司将深入调查全森州偷水案件，无论是商业或家里用途，希望减低无盈利食水的流失。




# Curi air untuk rumah kongsi

MyMetro (Https://Www.Hmetro.Com.My) › Mutakhir (Https://Www.Hmetro.Com.My/Mutakhir)

**Share**

**(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/480636/curi-air-untuk-rumah-kongsi)**

**Tweet**

**(https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Curi%20air%20untuk%20rumah%20kongsi&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/480636/curi-air-untuk-rumah-kongsi)**

**Share**

**(https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/480636/curi-air-untuk-rumah-kongsi)**



Kakitangan SAINS menyita paip sambungan secara tidak sah dipercayai untuk kegunaan kira-kira 100 buruh pembinaan di Bandar Sri Sendayan, Seremban. Foto Ihsan SAINS

**Azzman Abdul Jamal**
*am@hmetro.com.my*

(mailto:)

KONTRAKTOR tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan di Seremban hari ini, dikesan melakukan penyambungan paip secara haram untuk kegunaan lebih kira-kira 100 pekerjanya yang tinggal di rumah kongsi berhampiran.

Susulan itu, Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu tapak pembinaan berkenaan kira-kira 12 tengah hari tadi selepas menerima aduan seminggu lalu.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS Norzita Ismail berkata, pemeriksaan mendapati kontraktor terbabit membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 32 milimeter (mm).

“Ujian di tapak pembinaan itu mengesahkan ia adalah air rawatan SAINS dan kes ini menyumbang kepada air tidak berhasil (NRW) juga.

“Siasatan mendapati air yang dicuri itu adalah untuk kegunaan rumah kongsi yang didiami kira-kira 100 buruh pembinaan terletak berhampiran dengan tapak pembinaan terbabit,” katanya ketika ditemui di lokasi serbuan.

Mengulas lanjut, Norzita berkata, tempoh penyambungan haram dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

“Kita perlu memasang meter untuk kenal pasti bacaan air yang digunakan.

“Kontraktor terbabit dikesan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

“Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 29 Julai 2019 @ 5:48 PM**

## Berita Berkaitan

(/mutakhir/2018/07/358601/kontraktor-main-kotor)
**Kontraktor main kotor (/mutakhir/2018/07/358601/kontraktor-main-kotor)**

(/mutakhir/2018/04/331103/dah-dua-tahun-curi-air-rupanya)
**Dah dua tahun curi air rupanya... (/mutakhir/2018/04/331103/dah-dua-tahun-curi-air-rupanya)**

(/mutakhir/2019/07/478318/dah-lama-mencuri-metrotv)
**Dah lama mencuri? [METROTV] (/mutakhir/2019/07/478318/dah-lama-mencuri-metrotv)**

(/mutakhir/2017/12/293713/air-pun-kau-curi)
**Air pun kau curi (/mutakhir/2017/12/293713/air-pun-kau-curi)**

**Catuan air berjadual di Rembau, Tampin (/node/43313)**

(/mutakhir/2016/05/140520/misteri-tekanan-air-rendah)
**Misteri tekanan air rendah (/mutakhir/2016/05/140520/misteri-tekanan-air-rendah)**

(/mutakhir/2015/10/86834/span-sasar-purata-air-tidak-berhasil-turun-25-peratus)
**SPAN sasar purata air tidak berhasil turun 25 peratus (/mutakhir/2015/10/86834/span-sasar-purata-air-tidak-berhasil-turun-25-peratus)**

(/mutakhir/2019/02/425181/serbu-ladang-ternakan-curi-air)
**Serbu ladang ternakan curi air (/mutakhir/2019/02/425181/serbu-ladang-ternakan-**

## Popular



**COURTS kini dibuka di Tawau (https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/07/481132/courts-kini-dibuka-di-tawau?utm_source=hm&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**



**130 banduan mogok lapar**

# Potong sambungan saluran air haram

**Seremban:** Sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, di sini, dikesan melakukan penyambungan paip secara haram untuk kegunaan kira-kira 100 pekerjanya yang tinggal di rumah kongsi berhampiran lokasi.

Susulan itu, Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) menyerbu tapak pembinaan berkenaan jam 12 tengah hari semalam selepas menerima aduan seminggu lalu.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail, berkata, pemeriksaan mendapati kontraktor membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip jenis High Density Poly Ethylene (HDPE) bersaiz 32 milimeter (mm)

"Ujian di tapak pembinaan mengesahkan ia adalah air rawatan Sains. Justeru, kes ini menyumbang kepada air tidak berhasil (NRW) juga.

"Siasatan mendapati, air yang dicuri itu adalah untuk kegunaan rumah kongsi



*PEGAWAI Span menyita sambungan paip air yang tidak sah.*

yang didiami kira-kira 100 buruh pembinaan terletak berhampiran dengan tapak pembinaan," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan, semalam.

Mengulas lanjut, Norzita berkata, tempoh penyambungan haram dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

"Kita perlu memasang meter untuk kenal pasti bacaan air yang digunakan.

"Kesalahan dikesan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

# Curi air untuk rumah kongsi



Kakitangan SAINS menyita paip sambungan secara tidak sah dipercayai untuk kegunaan kira-kira 100 buruh pembinaan di Bandar Sri Sendayan, Seremban. Foto Ihsan SAINS

KONTRAKTOR tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan di Seremban hari ini, dikesan melakukan penyambungan paip secara haram untuk kegunaan lebih kira-kira 100 pekerjanya yang tinggal di rumah kongsi berhampiran.

Susulan itu, Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu tapak pembinaan berkenaan kira-kira 12 tengah hari tadi selepas menerima aduan seminggu lalu.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS Norzita Ismail berkata, pemeriksaan mendapati kontraktor terbabit membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 32 milimeter (mm).

"Ujian di tapak pembinaan itu mengesahkan ia adalah air rawatan SAINS dan kes ini menyumbang kepada air tidak berhasil (NRW) juga.

"Siasatan mendapati air yang dicuri itu adalah untuk kegunaan rumah kongsi yang didiami kira-kira 100 buruh pembinaan terletak berhampiran dengan tapak pembinaan terbabit," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan.

Mengulas lanjut, Norzita berkata, tempoh penyambungan haram dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

"Kita perlu memasang meter untuk kenal pasti bacaan air yang digunakan.

"Kontraktor terbabit dikesan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Isnin, 29 Julai 2019 | 5:28pm






KAKITANGAN SPAN menyita sambungan paip air haram di sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan. - Foto ihsan SAINS

# SAINS, SPAN serbu tapak pembinaan disyaki curi air



Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my (mailto:azzman@bh.com.my)

Share
(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/590411/sains-span-serbu-tapak-pembinaan-disyaki-curi-air)

(https://twitt
ref_src=twsrc%5Etfw&text=SAINS%2C%20SPAN%20serbu%20tapak%20pembinaan%20disyaki%20curi%20air&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/20
span-serbu-tapak-pembir

Share
(https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/590411/sains-span-serbu-tapak-pembinaan-disyaki-curi-air)

SEREMBAN: Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan di sini selepas dikesan mencuri air dengan melakukan penyambungan paip secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail, berkata serbuan dijalankan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada jam 9.30 pagi selepas pihaknya menerima aduan seminggu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati pihak kontraktor membuat penyambungan secara tidak sah menggunakan paip poly jenis HDPE berukuran 32 milimeter (mm).

“Ujian klorin tapak pembinaan mengesahkan ia adalah air rawatan SAINS. Anggaran kerugian yang ditanggung SAINS akibat penyambungan tidak sah ini melebihi RM19,000.

“Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu adalah untuk kegunaan harian kira-kira 100 pekerja di rumah kongsi, kantin dan bagi mengisi lima tangki simpanan air,” katanya kepada pemberita selepas operasi serbuan itu di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Norzita berkata pihak SPAN sudah menyita semua pemasangan paip yang dibuat serta mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada penghuni premis berkenaan.

“Siasatan lanjut mendapati akaun premis terbabit dikenakan pemotongan bekalan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

“Justeru, kesalahan dikesan mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali,” katanya.

## Berita Berkaitan

















Sponsored Content

Recommended by



jek-

lebuh raya curi air)

Discover a More Secure Way to Trade Bitcoin! Start from as Little as $200!
eToro
(https://partners.etoro.com/aw.aspx?A=52916&Task=Click&TargetURL=https%3A%2F%2F



Cara memutihkan gigi dalam 2 menit
The Healthcare Tips
(http://celand-butimal.com/612e674d-2122-41cf-96cd-c83c1ed9b1d3?



This new air conditioner under $ 89 with no installation necessary is selling out in Malaysia
airfreez.cc
(http://upprealtime.com/view/T5KIN3A987De
+Discover+the+All-New+Portable+Air+Conditioner+that%27s+sweepi&site=WEBcheap_$publisher_name$_



No Language is "Foreign" with This Brilliant Japanese Invention
Next Tech
(https://r.securefunnel.io/a8ce1119-c0d5-
{geo}&widg={widg}&obOrigUrl=true)

# Tapak pembinaan diserbu, syaki curi air

NORAFIDAH ASSAN | | 30 Julai 2019




Lokasi serbuan di Sendayan. (Gambar kecil: Serbuan daripada SPAN dan Sains.)

SEREMBAN - Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, kerana disyaki mencuri air dengan membuat penyambungan secara haram, semalam.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, operasi diketuai Pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN, Mohd Fadzill Othman bersama sepasukan pegawai dan anggota SPAN serta Unit Penguatkuasaan Sains melakukan serbuan lebih kurang jam 9.30 pagi.

"Sebaik tiba, pihak penguat kuasa mendapati kontraktor pembinaan berkenaan telah melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip jenis 'High Density Polyethlene' (HDPE) bersaiz 32mm.

"Hasil siasatan lanjut juga mendapati akaun premis telah dikenakan tindakan pemotongan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu didapati digunakan di beberapa point penyambung untuk kegunaan harian pekerja di rumah kongsi, kantin dan lima buah tangki simpanan air," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, berdasarkan ujian klorin di lokasi, terbukti bekalan air di tapak pembinaan itu adalah air terawat milik Sains.

"SPAN menyita paip HDPE yang digunakan di lokasi sebagai bahan bukti dengan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung Sains melebihi RM19,000.

"Kes ini seterusnya disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, jika disabitkan kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam pada itu Sains akan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan tanpa mengira kes yang melibatkan pengguna komersil mahu pun domestik.

"Tindakan tegas ini merupakan salah satu langkah berterusan dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil atau pun Non Revenue Water (NRW).

"Susulan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes curi air boleh menghubungi talian bebas tol Sains 1-800-88-6982.

Setiap maklumat peribadi pemberi maklumat akan dirahsiakan oleh pihak Sains," katanya.

# Sains, SPAN serbu tapak pembinaan

**SEREMBAN** - Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan semalam kerana disyaki mencuri air melalui penyambungan haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, Pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN, Mohd Fadzill Othman bersama sepasukan pegawai dan anggota SPAN serta Unit Penguatkuasaan Sains melakukan serbuan kira-kira jam 9.30 pagi.

"Akaun premis itu sudah dipotong pada 10 Julai lalu akibat tunggakan tinggi. Bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu digunakan untuk pekerja rumah kongsi, kantin dan lima tangki simpanan air," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan jika disabit kesalahan pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

"Tindakan ini adalah usaha berterusan bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil. Aduan kes curi air boleh dilakukan melalui talian bebas tol Sains 1-800-88-6982," katanya.

Sinar KAMI JUGA ADA DI... SinarHarian SinarOnline Sinar.tv sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official

Internet for only RM28



# Tapak pembinaan diserbu, syaki curi air

NORAFIDAH ASSAN | | 30 Julai 2019



Lokasi serbuan di Sendayan. (Gambar kecil: Serbuan daripada SPAN dan Sains.)

A- A+

SEREMBAN - Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu sebuah tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, kerana disyaki mencuri air dengan membuat penyambungan secara haram, semalam.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, operasi diketuai Pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN, Mohd Fadzill Othman bersama sepasukan pegawai dan anggota SPAN serta Unit Penguatkuasaan Sains melakukan serbuan lebih kurang jam 9.30 pagi.

"Sebaik tiba, pihak penguat kuasa mendapati kontraktor pembinaan berkenaan telah melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip jenis 'High Density Polyethlene' (HDPE) bersaiz 32mm.

"Hasil siasatan lanjut juga mendapati akaun premis telah dikenakan tindakan pemotongan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi.

"Sumber bekalan air melalui penyambungan tidak sah itu didapati digunakan di beberapa point penyambung untuk kegunaan harian pekerja di rumah kongsi, kantin dan lima buah tangki simpanan air," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, berdasarkan ujian klorin di lokasi, terbukti bekalan air di tapak pembinaan itu adalah air terawat milik Sains.

"SPAN menyita paip HDPE yang digunakan di lokasi sebagai bahan bukti dengan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung Sains melebihi RM19,000.

"Kes ini seterusnya disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, jika disabitkan kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam pada itu Sains akan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan tanpa mengira kes yang melibatkan pengguna komersil mahu pun domestik.

"Tindakan tegas ini merupakan salah satu langkah berterusan dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil atau pun Non Revenue Water (NRW).

"Susulan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes curi air boleh menghubungi talian bebas tol Sains 1-800-88-6982.

Setiap maklumat peribadi pemberi maklumat akan dirahsiakan oleh pihak Sains," katanya.

*Bermula dengan hanya RM5 anda telah menyokong Berita Fakta dan Komprehensif kami,* **sokong berita kami.**
*Terima Kasih Rakyat Malaysia*

- SPAN
- tapak pembinaan
- curi air

Bunuh Zulfarhan: Suspek bebas mahu sambung pengajian ×

**TERKINI** | POPULAR